

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1990/91

Mac/ April, 1991

AMP 300 - PENYELIDIKAN PEMASARAN

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **LAPAN** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SEMUA** soalan. Tuliskan jawapan dalam kertas peperiksaan ini.

Angka Giliran: _____

Gunakan angka: _____

Tarikh: _____ pagi/petang.

1. Beberapa kenyataan berikut merujuk kepada peringkat-peringkat dalam proses penyelidikan. Tuliskan nombor di tepi tiap-tiap kenyataan yang menunjukkan peringkatnya dalam proses berkenaan (iaitu nombor 1 untuk peringkat pertama, nombor 2 untuk peringkat kedua dan seterusnya). Jangan berikan nombor kepada kenyataan yang tidak merujuk kepada proses penyelidikan.

- pembentukan penakrifan operasi.
- menjalankan analisis data.
- penentuan permasalahan penyelidikan.
- mengatasi masalah disiplin.
- penentuan angkubah.
- merekabentuk penyelidikan.
- pembentukan hipotesis.

[14 markah]

2. Seperti anda tahu, penyelidikan yang dipilih haruslah bersesuaian dan boleh menepati tujuan kajian berkenaan. Bagi setiap kenyataan tujuan penyelidikan di bawah, cadangkan strategi yang paling sesuai untuk menjalankannya: nyatakan juga asas atau kriteria anda buat cadangan berkenaan.

(a) Anda bertujuan untuk mempasti, menyenarai dan mengkelaskan bakal pengguna bagi suatu jenis barangan yang masih belum ada dalam pasaran. Maklumat yang terperinci adalah perlu untuk anda merancang sesuatu promosi pemasaran kelak.

(i) Strategi penyelidikan yang paling sesuai ialah

...3/-

(ii) Asas pemilihan strategi ini ialah

(b) Sebagai penyelidik pemasaran, anda diminta untuk memastikan keberkesanan potongan harga ke atas jualan.

(i) Strategi penyelidikan yang paling sesuai ialah

(ii) Asas pemilihan strategi ini ialah _____

[12 markah]

3. Andaikan anda diminta untuk menjalankan penyelidikan yang bertujuan untuk menjelaskan corak pembelian kereta di Malaysia. Hasil daripada kajian ini akan digunakan dalam promosi pemasaran. Nyatakan unit analisis kajian, satu angkuabah bergantung dan satu angkuabah bebas serta penakrifan operasi masing-masing.

(a) Unit analisis kajian ialah _____

...4/-

(b) Unit analisis ini dipilih sebab _____

(c) Angkubah bergantung bagi kajian ini ialah

(d) Penakrifan operasi bagi angkubah ini ialah

(e) Angkubah bebas bagi kajian ini ialah

(f) Penakrifan operasi bagi angkubah ini ialah

[15 markah]

...5/-

AMP300

4. Andaikan anda telahpun mengumpul data mengenai suatu penyelidikan yang bertujuan untuk memastikan perkaitan antara penjualan kereta dengan kadar pengeluaran kasar negara (KPN). Data yang telah diperolehi adalah seperti terdapat di bawah.

Tugasan anda ialah untuk (i) menyediakan satu buku kod ("Code book") sebagai panduan untuk memindahkan data mentah tersebut kepada (ii) borang pengkodan ("Coding form").

Tahun	Jualan kereta (unit)	KPN (\$juta)
1986	89,395	989.9
1987	99,672	10,992.1
1988	101,220	46,872.1
1989	119,981	49,337.9
1990	121,275	53,201.3

- (a) Dalam ruang di bawah sediakan satu buku kod yang lengkap.

...6/-

AMP300

- (b) Isikan borang pengkodan ("Coding form") di bawah dengan maklumat berkenaan.

RESEARCHER																																
CODER																																
1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26	27	28	29	30	...		
																																...
																																...
																																...
																																...
																																...
																																...
.
.
.

[20 markah]

5. Pemilihan sesuatu teknik statistik untuk penganalisaan data adalah bergantung kepada, antara lain, tujuan analisis dan jenis penyukatan angkubah-angkubah berkenaan. Berdasarkan kepada maklumat-maklumat berikut, pilih teknik statistik yang paling sesuai.

- (a) Tujuan penganalisaan ialah untuk menguji perbezaan antara dua kumpulan. Jenis penyukatan adalah seperti berikut dan anda perlu pilih statistik yang sesuai.

Angkubah bergantung -----	Angkubah bebas -----	Statistik sesuai -----
Nominal	nominal	_____
Ordinal	nominal	_____
Nisbah	ordinal	_____
Ordinal	ordinal	_____

- (b) Tujuan penganalisaan ialah untuk menguji perkaitan antara dua angkubah. Pilih teknik statistik yang paling sesuai untuk tujuan berkenaan.

Angkubah bergantung -----	Angkubah bebas -----	Statistik sesuai -----
Nominal	nominal	_____
Ordinal	ordinal	_____
Nisbah	nisbah	_____
Nisbah	ordinal	_____

[16 markah]

6. Tidak lama dahulu sebuah bank tempatan telah menukarkan logonya untuk melambangkan imej baru. Seterusnya bank tersebut telah membuat suatu tinjauan untuk memastikan tahap penerimaan penukaran logonya di kalangan pelanggannya.

Tinjauan berkenaan menunjukkan bahawa 60% daripada pelanggan lelaki yang muda menerima penukaran logo manakala hanya 20% lelaki tua turut menyokong logobaru itu. Di kalangan pelanggan perempuan pula, 80% yang muda menyambut baik penukaran logo berbandingkan dengan 25% daripada perempuan tua.

Berdasarkan kepada kenyataan di atas, jawab semua soalan pilihan berganda yang berikut dengan membulatkan jawapan terbaik.

- (a) Perkaitan di antara kadar penerimaan terhadap logo baru dengan jantina
- (i) tidak wujud.
 - (ii) wujud tetapi tidak kuat.

- (iii) wujud tetapi sederhana.
 - (iv) wujud dan kuat.
- (b) Perkaitan di antara kadar penerimaan terhadap logo baru dengan umur
- (i) tidak wujud.
 - (ii) tidak tahu.
 - (iii) wujud tetapi sederhana.
 - (iv) wujud dan kuat.
- (c) Di kalangan pelanggan muda, perkaitan di antara jantina dengan kadar penerimaan logi baru ialah
- (i) tidak wujud.
 - (ii) wujud sebanyak 40%.
 - (iii) wujud sebanyak 55%.
 - (iv) wujud sebanyak 20%.

[23 markah]

---ooo0000ooo---